

21 JUL 2001

LAPORAN KHAS: KLIA

KLIA: PERSIAPAN HADAPI SAINGAN MASA DEPAN

Oleh: Alan Ting

KUALA LUMPUR; -- Penampilan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang yang kini berusia dua tahun merupakan satu usaha Malaysia untukturut bersaing merebut pasaran trafik udara yang lebih besar di rantau ini sambil bersedia untuk memenuhi keperluan masa depan.

Berharga RM9 bilion dengan kapasiti 25 juta penumpang setahun pada fasa pertama operasinya, KLIA kini dianggap salah sebuah lapangan terbang terancang di dunia.

Malaysia Airport Berhad (MAB) yang mengurus KLIA dan beberapa lapangan terbang lain di seluruh negara sentiasa mengambil langkah-langkah wajar bagi mencapai matlamat itu serta mengekalkan reputasinya.

"Matlamat MAB ialah menyediakan perkhidmatan lapangan terbang terbaik. Tahun lepas KLIA menduduki tangga keenam terbaik di dunia," kata pengerusinya Tan Sri Basir Ismail.

Setahun selepas beroperasi, Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) meletakkan KLIA di tangga ketiga di dunia daripada segi kepuasan pelanggan.

Terletak kira-kira 50km ke selatan bandaraya ini, lapangan terbang serba canggih itu merupakan sebuah projek empat fasa yang direkacipta untuk benar-benar memenuhi selera penumpang dan keperluan perkhidmatan kargo udara, sesuai dengan peranannya sebagai pintu masuk antarabangsa yang utama bagi Malaysia untuk sekurang-kurangnya satu abad yang akan datang.

Menurut perancangan, fasa kedua pembangunan KLIA mampu meningkatkan kapasiti penumpang kepada 35 juta orang menjelang 2008 sementara fasa ketiga 45 juta menjelang 2012.

WAWASAN DR MAHATHIR

Dalam satu wawancara dengan Financial Times, London Oktober lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah berkata bahawa projek infrastruktur di Malaysia dilaksanakan bagi memenuhi tuntutan masa depan dan bukan pembaziran.

"Di Malaysia kita melabur untuk masa depan. Bila kita melakukan sesuatu kita melihat kepada masa depan.

"Untuk membina sebuah lapangan terbang baru, contohnya, kita melihat kepada seratus tahun daripada sekarang. Katakanlah jumlah penumpang meningkat sehingga 100 juta, kita perlu kepada sebuah lapangan terbang yang besar.

"Jadi, kita merizabkan 25,000 ekar tanah untuk lapangan terbang yang baru (KLIA). Pada masa ini kita ada kemudahan untuk 25 juta penumpang," kata Dr Mahathir.

KLIA PERLU UNTUK TAMPUNG PERTUMBUHAN PESAT

Sesungguhnya, semua lapangan terbang yang dibina pada tahun 50an hingga 70an telah menjadi terlalu kecil untuk menampung pertumbuhan pesat sektor pengangkutan udara, bukan saja dirasai oleh Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz di Subang, tetapi juga oleh negara-negara lain di rantau ini.

Hong Kong membina Lapangan Terbang Chep Lap Kok dengan harga US\$20 bilion walaupun lebih kecil daripada KLIA.

Tempat-tempat lain yang turut membina lapangan terbang baru kerana permintaan yang meningkat ialah Macau, Pudong di Shanghai, Thailand (Lapangan Terbang Antarabangsa Baru Bangkok - NBIA), Taiwan (Terminal Baru Chiang Kai Sek), Korea Selatan (Lapangan Terbang Antarabangsa Incheon untuk menggantikan Lapangan Terbang Antarabangsa Kimpo) dan Jepun (Lapangan Terbang Kansai).

Lapangan Terbang Changi, Singapura yang dibina lebih awal tidak merungut kerana terlalu besar kerana ia memenuhi keperluan yang meningkat beberapa kali ganda.

BELAJAR DARIPADA SUBANG

Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah pernah dianggap sebagai "gajah putih" ketika dibina 35 tahun yang lalu, tetapi akhirnya terbukti ia telah mampu menggerakkan pertumbuhan pesat pembangunan negara dan kawasan sekitarnya.

Pada awalnya ia dibina untuk menampung hanya 400,000 penumpang setahun. Bagaimanapun, sepanjang ia beroperasi, lapangan terbang itu terpaksa beberapa kali diperbesarkan sehingga jumlah terminalnya meningkat kepada tiga buah.

Kini ia tidak mempunyai ruang lagi untuk memenuhi permintaan trafik udara yang terus meningkat.

Mereka yang pernah melawat negara luar tentunya agak malu dengan keadaan di Subang yang sentiasa bising, sesak dan panas.

Ini bermakna Subang terpaksa memberi laluan kepada sebuah lapangan terbang baru yang lebih besar, selesa dan pintar, seperti KLIA.

Basir menjelaskan, kos pembinaan KLIA adalah lebih murah berbanding lapangan terbang lain di rantau ini.

"Kos pembinaan lapangan terbang Kansai, HKIA dan Inchon adalah jauh lebih tinggi," katanya.

KLIA siap dibina dalam masa empat tahun setengah oleh Kuala Lumpur International Airport Berhad (KLIA), sebuah syarikat milik kerajaan dengan harga RM9 bilion (US\$2.3 billion).

Menurut Basir, kerajaan membuat keputusan tepat membina lapangan terbang itu pada 1995 ketika kadar tukaran wang asing masih baik iaitu RM2.50 berbanding dolar Amerika. Kosnya mungkin dua kali ganda jika dibina pada kadar tukaran 2000sekarang.

Kesan serta merta pembinaan KLIA ialah mewujudkan peluang pekerjaan kepada kira-kira 1,000 orang penduduk berhampirannya.

"Di samping itu, saya juga perhatikan dua atau tiga buah bandar berhampiran turut mengalami pertumbuhan yang pesat berbanding bandar-bandar lain," katanya, merujuk kepada bandar Nilai dan Sepang.

FAKTA RINGKAS LAPANGAN TERBANG LAIN DI RANTAU INI:-

THAILAND:

Lapangan Terbang Antarabangsa Baru Bangkok (NBIA) dijadual siap dibina pada 2004 dengan harga 120 bilion baht (kira-kira RM10 bilion). Ia dijangka mengendalikan 36.4 juta penumpang pada 2004 dan 40.2 juta pada 2006.

Kerajaan Thai memutuskan untuk membina NBIA sejak keupayaan Lapangan Terbang Don Muang terbatas kepada hanya 25 juta penumpang setahun selepas melalui proses pengubahsuaian.

SINGAPURA

Lapangan Terbang Antarabangsa Changi sedang membina terminal ketiga yang apabila siap pada 2006, akan meningkatkan keupayaannya sehingga 64 juta penumpang setahun.

FILIPINA

Lapangan Terbang Antarabangsa Ninoy Aquino (NAIA) membina terminal ketiganya di Pasay City dengan harga US\$500 juta pertengahan tahun ini. Dengan keupayaan menampung 13 juta penumpang setahun, ia akan menggantikan terminal satu yang dibuka pada 1983.

JEPUN

Selain Lapangan Terbang Haneda (domestik) dan Narita (antarabangsa) yang dibuka pada 1978, yang terbaru dan lapangan terbang antarabangsa kedua di Jepun ialah Kansai, dekat Osaka. Kansai yang dibuka pada 1994 dibina di atas pulau buatan manusia di Teluk Osaka dengan harga US\$19.6 bilion.

KOREA SELATAN

Lapangan Terbang Antarabangsa Incheon, 52 Km dari Seoul, ialah yang terbaru di rantau ini. Mengambil masa lebih sembilan tahun untuk disiapkan, ia menggantikan Lapangan Terbang Antarabangsa Kimpo yang berusia 42 tahun pada 29 Mac lepas.

Anggaran kos asalnya ialah US\$5 bilion tetapi dipercayai lebih daripada itu setelah siap dibina.

SHANGHAI

Shanghai juga mempunyai lapangan terbang baru di Pudong, bagi menggantikan Lapangan Terbang Hongqiao.

HONG KONG

Chep Lai Kok (HKIA) yang mula beroperasi beberapa bulan selepas KLIA berharga US\$20 bilion.

-- Bernama

AT KGO AM